

DASAR TUN ABDUL RAZAK, DATO' HUSSEIN ONN DAN  
DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DARI 1970-1990:  
KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN

MOKHTAR BIN MUHAMMAD

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

1998

Dlmikrofiskan pada..... 15-05-20  
No. Mikrofis..... 1463  
Jumlah Mikrofis..... 6

Perpustakaan Universiti Malaya



A509085225

HAMSI AH BT. MOHAMAD ZAHARA

UNIT RECOGRAFI  
PERPUSTAKAAN U  
UNIVERSITI MALAYA

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1998

MOKHTAR BIN MUHAMMAD

AFD 9403

## PENGHARGAAN

Dengan rasa syukur atas rahmat Tuhan yang Maha Kuasa akhirnya tesis Ph.D. ini telah dapat saya selesaikan. Hanya Tuhan sajalah Yang Maha Mengetahui betapa banyak kesulitan dan cabaran-cabaran yang saya hadapi selama saya membuat penyelidikan ke atas tesis ini. Cabaran untuk menyelesaikan tesis ini begitu getir dan ada kalanya begitu hebat sekali. Dan ingin saya tegaskan di sini bahawa saya begitu kagum dengan bimbingan dan nasihat yang diberikan kepada saya hinggalah saya berjaya menyiapkan tesis ini akhirnya. Tanpa bimbingan, dorongan dan bantuan daripada penyelia saya, tidak mungkin tesis ini menjadi kenyataan. Kesempatan ini saya ambil untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Dato' Khoo Kay Kim yang sudi menjadi penyelia saya. Bimbingan dan dorongan yang diberikan oleh penyelia saya telah membantu saya mengatasi segala kesulitan dan cabaran yang dihadapi semasa membuat penyelidikan ini dan akhirnya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya bimbingan dari Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim begitu baik sekali sehinggakan saya berupaya mengembangkan idea dengan lebih sistematik dan berdisiplin dalam menyelesaikan tesis ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri saya Haliza Hasan dan anak-anak saya Muhammad Irfan, Nur Liana, Fatim Raihanah dan Muhammad Iqbal. Kesabaran dan ketabahan serta dorongan semangat yang telah diberikan kepada saya sepanjang usaha saya menyiapkan tesis ini telah menjadikan saya manusia yang tabah dalam menyelesaikan tugas. Dengan doa restu dari isteri dan anak-anak saya maka Tuhan telah membukakan jalan bagi saya dalam mengatasi segala rintangan yang telah dihadapi.

Mokhtar Muhammad

Jabatan Sejarah

Universiti Malaya

1998

## ABSTRAK

Tesis yang bertajuk "Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari 1970-1990: Kesenambungan dan Perubahan" ini menghuraikan kesinambungan dan perubahan dasar Kerajaan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir dari 1970 hingga 1990. Ketiga-tiga pemimpin ini bertanggungjawab di dalam melaksanakan semua dasar untuk kebaikan negara yang mempunyai rakyat majmuk. Segala halangan dan rintangan telah dapat mereka harungi hinggakan negara dipandang tinggi baik di sebelah Asia mahupun di kawasan-kawasan lain di dunia ini. Tesis ini juga melihat perkembangan negara sepanjang era pimpinan ketiga-tiga pemimpin ini. Setiap pemimpin ini tadi bukan sahaja berjaya di dalam melaksanakan dasar Kerajaan tetapi juga dapat membangunkan negara dengan begitu baik sekali. Akhir sekali tesis ini juga melihat peranan yang dimainkan oleh Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir dalam membangunkan negara. Hasil pimpinan ketiga-tiga pemimpin ini, Malaysia telah berkembang pesat baik dari segi politik, ekonomi dan juga hubungan luar. Kestabilan politik telah menjamin keselamatan rakyatnya. Ekonomi Malaysia juga telah meningkat dengan baik sekali sehinggakan banyak negara yang ingin berdagang dengannya. Kekayaan negara telah dikongsi sama rata antara penduduknya yang bersifat majmuk. Sosial dan budaya rakyat berbagai kaum telah dapat dipelihara melalui Dasar Kebudayaan Negara. Malah, rakyat telah hidup aman dan damai. Melalui dasar luarnya, Malaysia telah memainkan peranan penting di dalam mewujudkan hubungan antarabangsa yang mendatangkan manfaat kepada negara dan seluruh dunia. Inilah uniknya Malaysia di bawah pimpinan Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir.

## ABSTRACT

On the whole, this thesis entitled "The Policy of Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn and Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad from 1970-1990: Continuity and Change" elaborates the continuity and changes of the government's policies under the leadership of Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn and Dato' Seri Dr. Mahathir from 1970 until 1990. These leaders are responsible in implementing policies for the betterment of the country which has a plural society. All constraints and problems were solved by them, thus, making Malaysia an example to Asian countries and other parts of the world. This research also looks at the development of the country during the reign of these three leaders. Each of them not only succeeded in implementing Government policies but also able to develop Malaysia. Lastly, this research also elaborates on the action taken by Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn and Dato' Seri Dr. Mahathir in developing the country. Through their leadership, Malaysia has developed in term of politics, economy and international relations. Political stability guarantees Malaysia's security. The Malaysian economy also improves and has attracted many countries to do their business with Malaysia. The country's wealth is shared among its plural society. The social and culture of the people are preserved through the National Culture Policy. Malaysians live in peace and harmony. Through its international policy, Malaysia plays an important role in making foreign relations beneficial to the country and also the whole world. This is the uniqueness of Malaysia under the leadership of Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn and Dato' Seri Dr. Mahathir.

# KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SINGKATAN GLOSARI	xi
Pengenalan	xviii
BAB 1	1
LATARBELAKANG	1
Keadaan Politik dan Ekonomi 1957 hingga 1969	2
Hubungan Luar	15
Perang Dingin	16
Pergantungan kepada Barat	26
Dari Pro-Barat ke Berkecuali	32
ASEAN	35
Kementerian Luar Malaysia	37
Peranan Elit Dalaman	38
Peranan Elit Luaran	39
Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Utama	42
Bahagian Inspektorat	42
Bahagian Protokol Dan Perjanjian	43
Wakil Luar di Malaysia	45
Bahagian Perjanjian	45
Maklumat Luaran	46
BAB 2	49
ERA TUN ABDUL RAZAK 1970-1976	49
Sedikit Riwayat Tun Abdul Razak	49
Akta Hasutan dan Rukunegara	54
Dasar Politik Zaman Tun Abdul Razak (1970-1976)	57
Parlimen Bersidang Semula	58
Penubuhan Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional	59
Kerajaan Campuran SUPP-Perikatan Sarawak	61
Kerajaan Campuran Gerakan-Perikatan	65
Kerajaan Campuran PPP - Perikatan	69
Kerajaan Campuran PAS - Perikatan	71

Pembentukan Barisan Nasional	79
Cabaran Dari Datuk Harun Hj. Idris	83
Tentangan dari Tun Datu Mustapha	86
Kegiatan-kegiatan Ganas Muncul Semula	88
Mewujudkan Negara yang Utuh	94
Krisis Kepimpinan	100
Ulasan	104
Dasar Ekonomi Tun Abdul Razak (1970-76)	104
Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua	108
Menyusun Semula Tenaga Kerja	117
Struktur Bukan-Pertanian	120
Reformasi Tanah	123
Dasar Pelajaran Kebangsaan	127
Pindaan Akta Kolej dan Universiti	134
Universiti Kebangsaan Membina Peribadi Nasional	138
Kesan-kesan Dasar Ekonomi Tun Abdul Razak	141
Ulasan	153
Dasar Luar Tun Abdul Razak (1970-1976)	154
Penonjolan Corak Hubungan Luar	157
Kerjasama Serantau	158
Hubungan dengan ASEAN	159
ZOPFAN	161
Perbezaan Sikap Negara-negara ASEAN	167
Lawatan Tun Abdul Razak ke China	170
Solidariti Islam	174
Dasar Luar Ekonomi	182
Asia Selatan dan Pasifik	183
Asia Timur	183
Eropah	184
Negara-negara Amerika	184
Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	185
Bahagian Undang-undang Laut Antarabangsa	187
Kepentingan Dasar Luar Tun Abdul Razak	189
Ulasan	192
<b>BAB 3</b>	<b>193</b>
<b>ERA DATO' HUSSEIN ONN (1976-1981)</b>	<b>193</b>
Sedikit Riwayat Dato' Hussein Onn	193
Perletakan Jawatan Dato' Hussein Onn Sebagai Perdana Menteri	199
Dasar Politik Dato' Hussein Onn (1976-1981)	202
Kes Datuk Harun Hj. Idris	204
Masalah Politik Sabah	207
Pilihanraya Negeri Sabah April 1976	208
Berjaya dan USNO menyertai Barisan Nasional	210
SNAP menyertai Barisan Nasional	212
Penahanan Tiga Abdul	215
Krisis di Kelantan	217
Masalah Politik Orang Cina di dalam Barisan Nasional	220
Pilihanraya Umum 1978	222

Universiti Merdeka	226
Pujian Dato' Hussein kepada Kalangan Muda	228
Budaya Perundingan di antara Parti Komponen Barisan Nasional	231
Kebudayaan dan Perpaduan Kaum	232
Penyusunan Semula Masyarakat Melalui Pembinaan Keperibadian Nasional	237
Konsep, Perancangan Dan Prasarana Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan	238
Ulasan	243
Dasar Ekonomi Era Dato' Hussein Onn (1976-1981)	246
Dasar Ekonomi Baru: Rancangan Malaysia Ketiga	251
Membasmi Kemiskinan	257
Sektor Pertanian	259
Sektor Perikanan	260
Penyusunan Semula Masyarakat	264
Seruan Kepada Bukan-Bumiputera Menyusun Semula Masyarakat	266
Hak Milik Harta	268
Saham	269
Pembangunan Wilayah	271
Peranan Sektor Swasta dan Pelaburan Asing	274
Permintaan Tenaga Kerja	278
Memperlengkapkan Pengurus-Pengurus Bumiputera Yang Ada	279
i) Halacara Structural	280
ii) Halacara Teknologi	281
iii) Halacara Kemanusiaan	281
Masalah Pelabuhan Kuantan	282
Mogok Kesatuan Pekerja Penerbangan	283
Masalah Perumahan Rakyat	285
Strategi Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Pendidikan Negara	291
Ekonomi yang menggalakkan	294
Ulasan	295
Dasar Luar Dato' Hussein Onn (1975-1981)	297
Pembentukan Dasar Luar	297
Pertahanan dan Keselamatan Negara	300
ASEAN	307
Hubungan dengan China	313
Hubungan dengan Vietnam	314
Hubungan dengan Burma, Laos dan Kampucea	319
Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel dan Negara-negara Berkecuali	321
Pergerakan Negara-negara Berkecuali	323
Program Kerjasama Teknik Malaysia	324
Malaysia dan Solidariti Islam	326
Hubungan Diplomasi Rasmi	329
Lawatan ke Luar Negara	332
Lawatan Dari Luar Negara	334
Ulasan	336



BAB 4	340
ERA DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD (1981-1990)	340
Sedikit Riwayat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad	340
Dasar Politik Dr. Mahathir Mohamad (1981-1990) ✓	347
Dasar Kebudayaan Kebangsaan	348
Krisis Perlembagaan	356
Kempen Kepimpinan Melalui Teladan	364
Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran	365
Dasar Wanita Malaysia	368
Gaya Politik	372
Perletakan Jawatan Dato' Musa Hitam	374
UMNO diharamkan	375
Ulasan	378
Dasar Ekonomi Dr. Mahathir Mohamad (1981-1990)	378
Strategi yang diamalkan	384
Kempen Penyalahgunaan Dadah	389
Mengemaskini Dasar Pendidikan Negara	390
Dasar Pembangunan Negara	391
i) Membasmi kemiskinan	392
ii) Penyusunan semula masyarakat	392
Dasar Pensyarikatan Malaysia	394
Dasar Perindustrian Negara	398
Dasar Pertanian Negara	401
Dasar Kependudukan Negara	411
Sistem Perbankan Bercorak Islam	413
Pelancongan sebagai sumber pendapatan negara	416
Unit-unit Di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan	418
Aktiviti Kebudayaan di peringkat Negeri dan Pusat	422
Penyertaan Sektor Swasta Dalam Perkembangan	
Kebudayaan Kebangsaan	423
Perjanjian Bijih Timah	424
Persatuan Pengeluar Bijih Timah	429
Memastikan Industri Negara Berdaya Saing	431
Ulasan	435
Dasar Luar Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981-1990)	435
Dasar Buy British Last	437
Dasar Pandang Ke Timur	443
ASEAN	451
Pertubuhan Negara-negara Komanwel	456
Organisation of Islamic Countries (OIC)	459
Pegerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)	467
Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)	469
Malaysia dan Majlis Keselamatan	472
Pertubuhan Negara-negara Selatan (G15)	474
Kerjasama Selatan-Selatan (Kumpulan 77)	475
Mendekati Negara-negara Kecil	479
Antartika	480
Latarbelakang	480
Ulasan	483

BAB 5	489
PENUTUP	489
Politik	489
Ekonomi	499
Dasar Luar	506
Menilai Perbezaan Personaliti Tiga Pemimpin	515
Perbandingan Dasar	517
Kesimpulan	523
 BIBLIOGRAFI	 525

## SINGKATAN

AHO	Arkib Hussein Onn
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADB	Asian Development Bank (Bank Pembangunan Asia)
AEU	Aviation Employee's Union (Kesatuan Pekerja Penerbangan)
AMADA	Anglo-Malayan Defence Agreement (Perjanjian Pertahanan Inggeris-Malaya)
AMM	Arkib Mahathir Mohamad
ARF	ASEAN Regional Security Forum (Forum Keselamatan Kawasan ASEAN)
ASA	Association of Southeast Asia (Pertubuhan Asia Tenggara)
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara)
BCR	Bersih Cekap dan Amanah
Berjaya	Bersatu Rakyat Jelata Sabah
Berjasa	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
BPR	Biro Pencegah Rasuah
BSN	Biro Siasatan Negara
CCM	Central Committee Member (Ahli Jawatankuasa Pusat)
CHOGM	Commonwealth Head of Governments (Ketua-ketua Negara Komanwel)
COMECON	Communist Economic Nation (Negara-negara Ekonomi Komunis)
CPM	Communist Party of Malaya (Parti Komunis Malaya)

CPMML	Communist Party of Malaya Marxist-Leninist Faction (Parti Komunis Malaya Kumpulan Marxis-Lenin)
CPMRF	Communist Party of Malaya Revolutionary Faction (Parti Komunis Malaya Kumpulan Revolusi)
DAP	Democratic Action Party (Parti Tindakan Demokratik)
DEB	Dasar Ekonomi Baru
ECOSOC	Economic and Social Council (Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-bangsa Bersatu)
EEC	European Economic Committee (Jawatankuasa Ekonomi Eropah)
EU	European Union (Kesatuan Eropah)
FAMA	Federal Agricultural Marketing Authority (Perbadanan Pemasaran Pertanian Pusat)
FAO	Food and Agriculture Organization (Pertubuhan Makanan dan Pertanian)
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (Perbadanan dan Kemajuan Tanah Pusat)
FELDA	Federal Land Development Authority (Perbadanan Kemajuan Tanah Pusat)
FPDA	Five Power Defence Agreement (Perjanjian Pertahanan Lima Negara)
GATT	General Agreement on Tariffs and Trade (Perjanjian Am Tarif dan Perdagangan)
Gerakan	Gerakan Rakyat Malaysia
HAWA	Hal Ehwal wanita
HICOM	Heavy Industry Co-operation of Malaysia (Perbadanan Industri Berat Malaysia)
IAEA	International Atomic Energy Agency (Agensi Tenaga Atom Antarabangsa)

IBRD	International Bank on Resource and Development (Bank Antarabangsa bagi Sumber dan Pembangunan)
ICAO	International Aviation Organization (Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa)
ILO	International Labour Organization (Pertubuhan Buruh Antarabangsa)
IMCO	International Maritime Organization (Pertubuhan Perundingan Maritim Antarabangsa)
IMF	International Monetary Fund (Tabung Matawang Antarabangsa)
IMP	Independence of Malaya Party (Parti Merdeka Malaya)
ISA	Internal Security Act (Akta Keselamatan Dalam Negara)
ITC	International Tin Council (Majlis Timah Antarabangsa)
ITM	Institut Teknologi Mara
KADA	Kedah Agricultural Development Authority (Perbadanan Kemajuan Pertanian Kedah)
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KDNK	Keluaran Dalam Kasar Negara
KITA	Kesatuan Insaf Tanah Air
KNK	Keluaran Kasar Negara
LPN	Lembaga Padi Negara
LUTH	Lembaga Urusan Tabung Haji
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDEC	Malaysian Rubber Development Corporation (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia)
MARDI	Malaysian Agricultural Research Development Institute (Institut Kemajuan Penyelidikan Pertanian Malaysia)

MAS	Malaysian Airline System (Sistem Penerbangan Malaysia)
MBM	Majlis Belia Malaysia
MCA	Malaysian Chinese Association (Pertubuhan Cina Malaysia)
MCE	Malaysian Certificate of Education
MCS	Malayan Civil Service (Perkhidmatan Awam Malaya)
MCYL	Malayan Communist Youth League (Liga Belia Komunis Malaya)
MIC	Malaysian Indian Congress (Kongres India Malaysia)
MIDA	Malaysian Industrial Development Authority (Perbadanan Kemajuan Industri Malaysia)
MIDF	Malaysian Industrial Development Finance Berhad (Kemajuan Industri Kewangan Malaysia Berhad)
MISC	Malaysian International Shipping Corporation (Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia)
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army (Tentera Pembebasan Rakyat Malaya Anti-Jepun)
MPHB	Multi-Purpose Holdings Berhad
MSA	Malaysia-Singapore Airline (Penerbangan Malaysia-Singapore)
NACIWID	National Advisory Council on the Integration of Women in Development (Suruhanjaya Penasihat Nasional bagi Integrasi Wanita dalam Pembangunan)
NAFTA	North American Free Trade Agreement (Perjanjian Perdagangan Amerika Utara)
NATO	North Atlantic Treaty Organisation (Organisasi Perjanjian Atlantik Utara)
OIC	Organization of the Islamic Conference (Persidangan Organisasi Negara-negara Islam)
PAP	People's Action Party (Parti Tindakan Rakyat)
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu

PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PERKEMAS	Parti Keadilan Masyarakat
PERNAS	Perbadanan Nasional Berhad
Pesaka	Parti Pesaka Anak Sarawak
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PINTAR	Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak
PKI	Partai Komunis Indonesia
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PPP	People's Progressive Party (Parti Progresif Rakyat)
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
RELA	Ikataan Relawan Rakyat
RIDA	Rural and Industrial Development Authority (Perbadanan Kemajuan Luar Bandar dan Industri)
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority (Perbadanan Kemajuan Industri Pekebun-pekebun Kecil Getah)
RMD	Rancangan Malaysia Kedua
RMT	Rancangan Malaysia Ketiga
RME	Rancangan Malaysia Keempat
RML	Rancangan Malaysia Kelima
SCA	Sabah Chinese Association (Persatuan Cina Sabah)
SCA	Sarawak Chinese Association (Persatuan Cina Sarawak)
SDC	Socialist Democratic Party (Parti Demokratik Sosialis)
SEAMEC	Southeast Asia Ministers of Educational Council (Suruhanjaya Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara)
SEANWFZ	Southeast Asia Nuclear Weapon Free Zone (Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara)

SEATO	Southeast Asia Treaty Organisation (Organisasi Perjanjian Asia Tenggara)
SEDC	State Economic Development Authority (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara)
Semangat 46	Parti Melayu
SF	Socialist Front (Barisan Sosialis)
SIA	Singapore International Airlines (Penerbangan Antarabangsa Singapura)
SNAP	Sarawak National Party (Parti Nasional Sarawak)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SUPP	Sarawak United People's Party (Parti Bersatu Rakyat Sarawak)
UDA	Urban Development Authority (Perbadanan Kemajuan Bandar)
UDP	United Democratic Party (Parti Demokratik Bersatu)
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO Baru	United Malays National Organization (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru))
UMNO	United Malays National Organization (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
UMSU	Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
UMSU	University of Malaya Student Union (Kesatuan Pelajar-pelajar Universiti Malaya)
UN	United Nations (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)
UNCTAD	Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Perdagangan dan Pembangunan
UNEP	United Nations Economic Program (Perancangan Ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)



UNESCO	United Nations Education, Scientific and Culture Organization (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-bangsa Bersatu)
UNIDO	United Nations Industrial Development Organization (Organisasi Pembangunan Industri Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)
UNKO	United National Kadazan Organization (Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu)
UPKO	United Pasok Momogun-Kadazan Organization (Pertubuhan Pasok Momogun-Kadazan Bersatu)
USNO	United Sabah National Organization (Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu)
WARSAW	East European Treaty Organization (Pertubuhan Perjanjian Eropah Timur)
WMO	Weather Monitoring Organization (Pertubuhan Kaji cuaca Dunia)
ZOPFAN	Zone of Peace, Freedom and Neutrality (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali)

# PENGENALAN

## Tujuan dan skop

Tesis ini, pada asasnya, adalah sebuah kajian tentang dasar-dasar utama (politik, ekonomi dan dasar luar) yang diamalkan oleh tiga orang Perdana Menteri Malaysia - Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn (kemudiannya bergelar Tun) dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tujuannya adalah untuk memperlihatkan sejauh manakah terdapat kesinambungan dan perubahan dari segi dasar-dasar utama itu. Dalam lain perkataan, apa yang akan ditonjolkan ialah pemikiran, perancangan dan strategi masing-masing bagi mencapai satu-satu matlamat tertentu.

Tetapi tempoh yang dipilih untuk kajian hanyalah dari 1970 hingga 1990 kerana pada masa kajian ini bermula, iaitu pada 1993, Malaysia hanya baru memasuki era yang lebih dinamis yang menyaksikan ia muncul sebagai salah sebuah negara yang dianggap mencapai pertumbuhan yang luar biasa sehingga hampir mencapai status negara yang bersifat industri. Sejarah Malaysia sejak tahun 1991 memerlukan suatu kajian yang berasingan kerana dalam tempoh ini terdapat bukan hanya pertumbuhan tetapi juga kegawatan ekonomi yang serius.

Tajuk kajian ini dipilih kerana setakat ini walaupun telah ada kajian biografi setiap orang Perdana Menteri itu (paling banyak mengenai Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad), belum ada usaha serius untuk meneliti dasar-dasar utama mereka bagi mengenalpasti di manakah terdapat kesinambungan dan di manakah kelihatan jelas terdapat perubahan yang substantif.

## **Sumber**

Kajian tesis ini merupakan sejarah kontemporari. Bahan-bahan rujukan dari Arkib Negara seperti Arkib Hussein Onn (AHO), Arkib Mahathir Mohamad (AMM) dan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR) merupakan sumber-sumber primer (primary) yang digunakan dalam tesis ini. Banyak rujukan yang diambil adalah berdasarkan media cetak terutamanya buku, akhbar dan majalah. Selain itu bahan-bahan rujukan juga diambil dari percetakan rasmi kerajaan, laporan tahunan, jurnal dan lain-lain bahan bercetak yang dirasakan sesuai untuk kajian ini.

Kajian ini merupakan usaha perintis dan julung-julung kali dibuat dari sudut perbandingan dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Penyelidikan yang dilakukan ke atas semua bahagian tesis ini bermula dari bulan Januari 1994 hingga Disember 1996 selama lebih kurang tiga tahun. Dalam jangka masa tersebut, kemudahan di Arkib Negara, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi Mara, dan juga di Perpustakaan Universiti Malaya telah digunakan.

## Metodologi

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi sejarah – iaitu bersifat kronologi, deskriptif dan perbandingan (*comparative*). Tujuan menggunakan disiplin sejarah adalah untuk membolehkan penulis menggalurkan perkembangan dalam satu tempoh yang meliputi lebih kurang dua dekad, terutamanya untuk menentukan apa sebenarnya telah berlaku sebelum suatu percubaan dilakukan untuk membuat perbandingan.

Penggunaan kaedah sejarah ini adalah kerana sejarah pada hakikatnya merupakan satu disiplin yang liberal. Maksudnya, seseorang sejarawan tidak terikat kepada mana-mana satu pendekatan. Juga skop sejarah tidak terbatas. Ini akan memudahkan perbincangan yang lebih bebas dan bukan dikongkong oleh satu-satu “model dan analisis”.

Kesemua bab dari tesis ini merupakan hasil penyelidikan yang telah dilakukan berasaskan isu-isu yang dibaca dari media cetak tentang dasar ketiga-tiga pemimpin tadi. Dalam hal ini, isu mustahak yang dipilih oleh pengkaji, sebagaimana disebutkan tadi dibahagikan kepada:

- 1) Politik
- 2) Ekonomi, dan
- 3) Hubungan Antarabangsa.